



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

CFT3142

PROJEK PENYELIDIKAN

**KAJIAN TERHADAP KESENIAN PERSEMBAHAN GAMELAN DI
TERENGGANU**

PELAJAR:

NUR ATIRAH SYAFIQAH BINTI HAMIZI

C19A0494

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

PENGHARGAAN


Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi atas limpahan rahmat serta nikmat masa, nyawa dan tenaga yang telah dianugerahkan dapatlah saya menyiapkan tesis bagi kursus Projek Penyelidikan ini dengan jayanya. Tambahan pula kursus ini merupakan salah satu syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.

Kajian ini telah Berjaya disempurnakan dengan bantuan ikhlas dari beberapa pihak yang terlibat secara langsung dan juga tidak langsung. Pertama sekali, saya menghulurkan jutaan terima kasih kepada Encik Shaipuddin Bin Muhammad selaku penyelia projek penyelidikan saya yang telah banyak memberi dorongan serta sumbangan idea kepada saya sepanjang menyiapkan kajian ini. Segala penat lelah dan tunjuk ajar yang diberikan oleh beliau dalam menyelesaikan kajian ini amat saya hargai.

Seterusnya, sekalung penghargaan serta ucapan terima kasih saya ucapkan kepada ahli keluarga yang turut membantu saya dalam menyiapkan kajian ini dari segi sokongan moral dan sokongan secara fizikal. Tidak lupa juga kepada senior- senior dan juga rakan seperjuangan yang turut memberikan bantuan yang telah banyak memberi idea serta berkongsi maklumat selama saya menjalani kajian projek penyelidikan ini.

Akhir madah, terima kasih juga di ucapkan kepada informen yang memberikan maklumat sama ada secara langsung dan tidak langsung. Semoga Allah mempermudah segala urusan kami dan memberikan kejayaan di dunia mahupun di akhirat. Akhir kalam, saya juga ingin menghulurkan ucapan terima kasih kepada semua pensyarah dan pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menyelesaikan kajian ini. Semoga kita sentiasa di bawah lindungan-NYA.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT****PENGAKUAN -----****PENGHARGAAN -----****ISI KANDUNGAN -----****ABSTRAK -----****BAB 1 PENDAHULUAN****1.1 Pengenalan ----- 1-3****1.2 Latar Belakang Kajian ----- 4-5****1.3 Penyataan Masalah ----- 6****1.4 Objek Kajian ----- 7****1.5 Persoalan Kajian ----- 7****1.6 Skop Dan Batasan Kajian ----- 8-9****1.7 Kepentingan Kajian ----- 9-10****1.8 Kesimpulan ----- 10****BAB 2 ULASAN KAJIAN LITERATUR****2.1 Pengenalan ----- 11****2.2 Ulasan Kajian Lepas ----- 11****2.2.1 Sejarah Perkembangan Gamelan ----- 11-13****2.2.2 Fungsi Persembahan Gamelan ----- 13-14****2.2.3 Alat Muzik Gamelan ----- 14-16****2.2.4 Tarian Joget Gamelan ----- 16-20****2.3 Kesimpulan ----- 20-21****BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	22
3.2 Reka Bentuk Kajian	23
3.3 Kaedah Perpustakaan	23
3.4 Kaedah Rujukan Internet	24
3.5 Kajian Lapangan	24
3.5.1 Temu Bual	24
3.5.2 Pemerhatian	24-25
3.6 Analisis Kajian	25
3.7 Kesimpulan	25

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	26
4.2 Temu Bual	27
4.2.1 Apakah Perbezaan Antara Fungsi Persembahan Gamelan Pada Masa Dahulu Dan Kini?	28-29
4.2.2 Apakah Jenis Instrumen Gamelan	29-31
Yang Dibawa Masuk Ke Tanah Melayu?	
4.2.3 Apakah Maksud Disebalik Tarian	31-32
Joget Gamelan beserta pergerakannya?	
4.3 Pemerhatian	32
4.3.1 Pemerhatian Instrumen Gamelan	33-34
4.3.2 Pemerhatian Tarian Joget Gamelan	34-35
4.4 Cadangan & Pendapat Responden	35-37
4.5 Kesimpulan	37-38

BAB 5 CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan	39
5.2 Cadangan	39
5.2.1 individu/ Pengkaji	40-41
5.2.2 Masyarakat	41-42
5.2.3 Kerajaan	42-44
5.3 Kesimpulan	44-47
RUJUKAN	48-49

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji mengenai kesenian persembahan gamelan yang terdapat di negeri Terengganu. Kajian ini dibuat berdasarkan teori-teori seni yang menekankan kepada indah (hiburan) dan bermakna (manfaat). Penelitian adalah tertumpu kepada fungsi persembahan gamelan pada masa dahulu dan kini yang mengalami perubahan yang mana dahulu dipentaskan di istana sahaja dan kini persembahan ini dibenarkan untuk membuat persembahan di luar kawasan istana. Persembahan gamelan juga dikatakan istimewa disebabkan alunan instrumen set gamelan yang dibawa dari Jawa masuk ke Tanah Melayu itu. Alat muzik dalam gamelan Melayu tersebut terdiri daripada lima alat idiofon dan satu alat membranofon. Dalam kesenian persembahan gamelan terdapat juga bahagian penting iaitu struktur penceritaan yang menarik disebalik gerak tari Joget Gamelan yang lemah gemalai seperti gerak tari penari melakonkan aksi sedang berhibur di taman dengan memetik bunga sebagainya. Kedua aspek instrumen dan tarian ini saling berkaitan antara satu sama lain. Oleh yang demikian, sesebuah persembahan yang baik akan tercapai jika kedua aspek ini bergabung dengan jayanya. Hal ini dapat dibuktikan melalui rujukan dan kajian yang dilakukan.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Gamelan merupakan suatu kesenian yang terdiri daripada sekumpulan penari dan pemuzik yang disertakan bersama instrumen muzik gamelan seperti gong, gendang, saron pekin, saron baron, sarun demong gambang dan kenong. Nama gamelan itu dipercayai berasal dari bahasa Jawa iaitu 'Gamel' yang bermaksud tukul atau memukul, disebabkan itu jugalah ada yang mengatakan bahawa Gamelan ini berasal dari Kepulauan Jawa. Meskipun begitu, setelah kemasukan gamelan ke Tanah Melayu pada kurun ke-18, seni persembahan gamelan ini mula 'dimelayukan'.

Gamelan dikatakan mula di perkenalkan di Tanah Melayu pada tahun 1811 apabila sekumpulan gamelan ini dibawa dari Istana Riau-Lingga bagi menyerikan majlis persandingan diraja yang berlangsung di Pekan, Pahang. Di antara Wan Esah yang merupakan adinda kepada pemerintah Pahang iaitu Bendahara Tun Ali (1806-1857) dengan putera sulung Sultan Riau-Lingga, Tengku Hussain. Maka, bermulalah perkembangan kesenian Gamelan di istana Pahang yang mana dikenali juga dengan nama 'Joget Pahang'. Pada masa itu juga, seorang pegawai British iaitu Frenk Swettenham turut menonton persembahan gamelan ketika beliau diundang menjadi tetamu istana Sultan Ahmad Al-Muadzam Shah (1882-1914) pada tahun 1875 di Pekan, Pahang. Malah, beliau turut menerangkan mengenai Joget Gamelan dalam bukunya yang berjudul 'The Joget' Malay Sketches, London: The Ballantyne Press, 1895.

Seterusnya, selepas kemangkatan Sultan Ahmad pada tahun 1914, Gamelan tidak mempunyai pewaris takhta yang berminat untuk mewarisi tradisinya. Maka, isteri baginda iaitu Che Zubedah mengambil keputusan untuk membawa set gamelan miliknya kemudian berhijrah ke Terengganu dan menetap bersama puterinya Tengku Ampuan Mariam serta menantunya Tengku Sulaiman, Putera Sultan Zainal Abidin III. Perkahwinan antara Tengku Ampuan Mariam dengan Tengku Sulaiman dikatakan bukan sahaja memulihkan hubungan dingin kerajaan Pahang dan Terengganu, bahkan turut menyumbang kepada kesinambungan gamelan Melayu di Terengganu. Oleh sebab itulah kesenian gamelan Melayu dapat diteruskan di Terengganu oleh Tengku Ampuan Mariam sendiri yang mahir dalam seni Joget Gamelan serta Tengku Sulaiman yang berminat terhadap seni Muzik Gamelan.

Pada tahun 1920, kumpulan Gamelan Terengganu mula ditubuhkan selepas kemahkotaan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, baginda menggunakan khidmat bekas pemuzik Pahang bagi memberi tunjuk ajar kepada pemuda-pemuda tempatan bermain alat muzik gamelan. Tengku Ampuan Mariam juga melatih gadis-gadis tempatan menarikan tarian Joget Gamelan Pahang yang kemudiannya ditukar nama kepada Joget Gamelan Terengganu . Pada tahun 1936, Tengku Ampuan Mariam dengan Sultan Sulaiman berjaya mendapatkan set gamelannya sendiri dan sering mengadakan persembahan di Istana Maziah, Kuala Terengganu. Tidak hanya itu, disebabkan minat yang mendalam dalam seni gamelan, Tengku Ampuan Mariam dapat menghasilkan manuskrip yang mengandungi lakaran serta huraian mengenai tarian gamelan yang mana kini manuskripnya menjadi rujukan sejarah dan tradisi gamelan Melayu. Di dalam manuskrip tersebut juga telah dinyatakan bahawa terdapat 95 buah ciptaan lagu gamelan dan 60 daripada lagu tersebut disertakan bersama tarian.

Walau bagaimana pun, kemangkatan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah pada tahun 1942 serta penaklukan Jepun pada tahun yang sama menjejaskan

perkembangan kesenian gamelan di Terengganu. Semenjak itu, semua alat muzik gamelan disimpan rapi di Istana Kolam, Kuala Terengganu. Bahkan semua kegiatan yang melibatkan persembahan gamelan Melayu terpaksa diberhentikan dan para pemuzik dan penari telah membawa haluan masing-masing bagi mencari rezeki untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Pada 1996, sewaktu Mubin Sheppard sedang mengkaji seni ukiran Melayu di Istana Kolam, beliau terpandang akan set gamelan yang telah sekian lama tersimpan lantas memohon izin Tengku Ampuan Mariam untuk menghidupkan semula persembahan gamelan di Terengganu. Setelah mendapatkan perkenan daripada Tengku Ampuan Mariam, Puan Adnan Binti Abullah (Mak Nang) yang merupakan bekas penari istana telah ditugaskan untuk melatih penari baru untuk menarik tarian Joget Gamelan. Sementara bekas pemuzik istana iaitu Encik Muhammad Bin Ismail (Pak Mat) melatih para pemuzik baru. Kemudian, kumpulan pemuzik gamelan ini yang dikenali sebagai Orkes Gamelan Diraja Terengganu telah membuat kemunculan kali pertama di khalayak umum pada Pesta Muzik dan Drama Asia Tenggara yang berlangsung di Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada tahun 1969. Kumpulan ini sekali lagi diberi penghormatan untuk melakukan persembahan di Universiti Malaya pada tahun berikutnya pada Temasya Seni Melayu dengan turut menampilkan penari Joget Gamelan generasi baru. Sejak itu, kesenian ini berkembang di luar lingkungan istana bahkan turut diajarkan di sekolah-sekolah serta institusi pengajian tinggi di serata Malaysia sehinggalah disebut sebagai 'Gamelan Melayu'.

Pada tahun 1973, set gamelan di Istana Kolam telah diserahkan semula kepada kerajaan negeri Pahang yang mana kini ianya dipamerkan di Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang.

1.2 Latar Belakang Kajian

Melalui kajian ini, pengkaji akan menjelaskan kajian utama mengenai fungsi persembahan alat muzik gamelan kepada masyarakat melayu. Pengkaji akan menekankan fungsi utama persembahan gamelan dimainkan suatu ketika dahulu. Sementara itu, jenis-jenis alat muzik gamelan yang digunakan dalam persembahan akan turut dijelaskan serta pengkaji juga akan mengenalpasti ciri-ciri atau maksud tarian joget gamelan yang disampaikan melalui tarian joget gamelan itu sendiri beserta lagunya. Tambahan pula, kajian ini juga membantu pengkaji untuk mengambil berat mengenai pernyataan masalah yang akan dihadapi oleh pengkaji semasa menjalankan kajian. Bahkan, persoalan kajian turut timbul apabila kajian ini dilaksanakan. Dari segi fungsi persembahan, menurut Ahmad Farid (2008) menekankan bahawa gamelan berfungsi sebagai instrumen yang mengiringi tarian yang akan dipersembahkan untuk tetamu diraja apada majlis-majlis tertentu. Gamelan dimainkan dalam upacara seperti ulang tahun keputeraan pertabalan, berkhatan, majlis perkahwinan, serta majlis-majlis jamuan yang istimewa, hiburan diraja dan permaisuri. Kebiasaannya persembahan akan dimulakan selepas waktu isyak sehingga ketengah malam manakala di Pahang persembahannya dimulakan selepas tengah malam sehingga menjelang subuh (Harun Mat Piah, 1983). Selain itu, dalam kajian yang dikaji oleh Tan dan Matusky (1998) menyatakan bahawa gamelan telah diperkembangkan di istana raja-raja Melayu di Pahang dan Terengganu serta berfungsi sebagai muzik istana bagi mengiringi drama tari.

Seterusnya, dari aspek instrumen yang digunakan pula alat muzik gamelan mempunyai lapan jenis instrumen iaitu gambang kayu, keromong, kenong, saron peking, sarong barung, sarong demung, gendang, dan sepasang gong (Norshafini Jaafar dan Rahimah Bujang, 2015). Melalui temu bual bersama (Nor Azman Haji Ramli, 2017) beliau turut menjelaskan bahawa ensembel gamelan mempunyai lapan instrumen muzik yang terdiri daripada keromong, gambang kayu, sarong barung, sarong demung, kenong, gendang, gong suwukan, saron peking dan sepasang gong. Kesemua alat muzik tersebut merupakan instrumen kategori idiofon dan membranofon iaitu idiofon yang merupakan instrumen muzik yang menghasilkan bunyi melalui tindak balas pada rangka badan yang bergema manakala membranofon pula ialah Instrumen muzik yang menghasilkan bunyi melalui kulit atau membrane yang ditegang dan dipalu (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, 2001).

Selanjutnya, bagi ciri-ciri atau maksud yang ingin disampaikan dalam lagu serta tarian joget gamelan ialah lagu-lagu yang dipersembahkan dalam ensembel gamelan yang mengiringi Joget Gamelan seperti Timang Burung, Perang Manggung, Antawada Togok, Perang Salinan, Ketam Renjong, Topeng, Sulang Arak dan sebagainya (Harun Mat Piah, 1983). Ahmad Omar (2005) menyenaraikan satu skor lengkap lagu-lagu ensembel gamelan iaitu Antawada, Ayak-ayak, Geliong, Lantai lima, Nogga, Tongkang Masuk, Topeng dan Perang Manggung. Lagu-lagu tersebut dikatakan mempunyai tempo dan irama yang sesuai dengan jiwa masyarakat Melayu itu sendiri, bahkan terdapat juga unsur penceritaan yang tersendiri berdasarkan cerita-cerita panji didalam lagu-lagu tersebut. Menurut Patricia Matusky (2002) menerangkan bahawa lagu Timang Burung menceritakan tentang burung

Galoh pandai menari, lagu Perang Manggung pula berkaitan penampakan burung Inu Kuripan, lagu Bujang Emas mengisahkan Raden Galoh yang bertemu dengan nenek kebayan serta lagu Gambuh pula menceritakan Raden menteri memujuk Raden Puteri. Selain lagu Ayak-ayak yang menerangkan mengenai persiapan kerja-kerja untuk jamuan diraja.

1.3 Pernyataan Masalah

Bagi memudahkan sesuatu kajian dilakukan, pengkaji mengenalpasti Permasalahan yang berlaku dalam sesuatu kajian tersebut. Oleh itu, terdapat beberapa pernyataan masalah dalam kajian ini.

Antaranya, bahan rujukan untuk mendapatkan info mengenai persembahan gamelan ini amat terhad. Terutama bahan ilmiah yang terdapat di perpustakaan UMK yang mana kurangnya buku dan penulisan lain yang menceritakan dengan lebih terperinci mengenai persembahan gamelan ini. Di internet pula, maklumat yang diperolehi dari setiap blog hampir sama kesemuanya.

Permasalahan yang seterusnya adalah kesukaran untuk bertemu atau berkomunikasi dengan penggiat seni gamelan terutama penari asal Joget Gamelan kerana ramai diantara mereka yang telah tua dan ada juga yang telah meninggal dunia.

Pengkaji bercadang ingin mengkaji mengenai fungsi persembahan gamelan pada masa dahulu dan kini serta melakukan kajian mengenai alat muzik serta tariannya bagi memelihara dan memulihara kesenian gamelan itu sendiri.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif umum kajian ini adalah untuk meneliti dan mengetahui mengenai persembahan gamelan. Melalui kajian ini, beberapa objektif akan dapat dicapai. Antaranya ialah :

- 1.4.1. Mengenalpasti perbezaan antara fungsi persembahan gamelan pada zaman dahulu dan kini.
- 1.4.2. Mengetahui jenis-jenis alat muzik gamelan yang dibawa masuk ke Tanah Melayu.
- 1.4.3. Memahami maksud tarian joget gamelan serta pergerakannya.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Daripada objektif kajian, pengkaji dapat membina soalan-soalan yang menjawab objektif kajian. Soalan kajian itu perlulah jelas, selari dan berfokus dengan objektif kajian.

- 1.5.1 .Apakah perbezaan antara fungsi persembahan gamelan pada zaman dahulu dan kini?
- 1.5.2. Apakah jenis-jenis alat muzik gamelan yang dibawa masuk ke Tanah Melayu?
- 1.5.3. Apakah maksud yang ingin disampaikan dalam tarian joget gamelan serta pergerakannya ?

1.6 SKOP DAN BATASAN KAJIAN



Skop kajian ini adalah tertumpu di negeri Terengganu yang merupakan salah satu negeri yang memperkenalkan dan mengembangkan persembahan gamelan selain negeri Pahang. Ini kerana seni gamelan ini sangat aktif di Terengganu disebabkan adanya pusat atau kelas tuisyen yang mengajarkan tarian Joget Gamelan serta teknik bermain set alat muzik gamelan. Gamelan ini merupakan sebuah instrumen yang terdiri daripada pelbagai alat muzik dan disertakan juga dengan sebuah tarian yang lebih dikenali dengan nama Joget Gamelan. Ianya menjadi tarikan pada suatu ketika dahulu kerana ianya hanya dipersembahkan pada majlis-majlis tertentu diistana dan tidak boleh dimainkan di sembarangan tempat meskipun ada sebahagian daripada mereka yang terlibat dengan tarian serta memainkan alat muzik terdiri daripada penduduk kampung atau orang luar. Maka, pengkaji suka untuk mengetahui apakah keistimewaan kesenian gamelan ini sehinggakan ianya hanya dimainkan di istana. Dan apakah fungsi persembahan ini pada masa kini? Disebabkan keistimewaan lain yang terdapat dalam persembahan ini iaitu dengan adanya muzik dan tarian yang mengiringi persembahan ini, membuatkan pengkaji lebih berminat untuk mengetahui dengan lebih jelas

terhadap kesenian alat muzik gamelan dan kesenian gerak tari Joget Gamelan.

1.7 Kepentingan Kajian

Antara kepentingan melalui kajian yang dijalankan adalah untuk mengenal pasti fungsi persembahan gamelan pada masa dahulu dan kini, dengan mengetahui fungsi sebenar persembahan gamelan ini, pengkaji mampu menyelesaikan permasalahan yang timbul. Fungsi utama persembahan gamelan pada zaman dahulu dan sekarang akan dikaji dengan lebih terperinci untuk memperoleh maklumat yang jelas mengenai kajian ini.

Sehubungan dengan itu, kajian ini turut menjelaskan mengenai jenis-jenis alat muzik yang terdapat dalam persembahan gamelan. Kajian ini juga mampu membantu pengkaji untuk mengetahui dengan lebih jelas alatan muzik yang digunakan serta dapat mempelajari cara untuk memainkannya. Selain itu, hasil daripada kajian ini mampu memberikan sumbangan dan ilmu kepada para pendidik dan pelajar yang berminat atau ingin mendapatkan maklumat mengenai kajian ini. Tidak hanya itu, ianya juga boleh dijadikan sebagai rujukan serta panduan kepada mereka yang ingin menjalankan penyelidikan mengenai persembahan gamelan pada masa akan datang.

Hasil daripada penyelidikan ini juga mampu memberi kesedaran kepada masyarakat kini untuk sentiasa mengekalkan persembahan tradisional bagi memelihara warisan terdahulu supaya ianya tidak hilang ditelan zaman. Golongan muda juga perlulah mengambil tahu serta menjaga keaslian persembahan gamelan supaya mereka mampu menjadi penggiat

seni bagi menggantikan tokoh-tokoh lama yang telah berusaha dan mengharungi pelbagai ujian untuk mengekalkan persembahan ini .

1.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, langkah-langkah yang telah disenaraikan serta Permasalahan yang timbul bagi mengekalkan dan melestarikan persembahan gamelan ini akan dapat diatasi sekiranya masyarakat itu sendiri mempunyai sifat tanggungjawab dan mengambil berat terhadap tinggalan warisan. Mengapa masyarakat perlu memainkan peranannya dalam mengekalkan persembahan gamelan ini? Kerana apabila mereka dapat memelihara warisan gamelan ini dengan baik, secara tidak langsung mereka dapat membantu generasi seterusnya untuk mengenal dan mewarisi persembahan tradisional ini. Seterusnya, masyarakat di negeri Pahang dan Terengganu terutamanya sebagai negeri asal perkembangan kesenian ini perlulah melibatkan diri dengan persembahan gamelan ini supaya masyarakat luar lebih berminat untuk mempelajari dan menuntut ilmu mengenai persembahan ini. Permasalahan seperti kurangnya mereka yang berminat terhadap seni persembahan tradisional ini haruslah diatasi dengan segera. Oleh itu, melalui kajian ini, pengkaji dapat mengatasi permasalahan yang timbul serta mampu merungkai cara untuk mengekalkan dan menjaga persembahan gamelan ini pada masa akan datang terutama bagi masyarakat negeri Pahang dan Terengganu.

BAB 2

ULASAN KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai kajian awal yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji yang lain. Pengkaji akan memasukkan semua ulasan kajian literatur yang pengkaji lain telah lakukan. Melalui kajian literatur ini juga, pengkaji telah mengetahui serba sedikit tentang asal usul, jenis alat muzik yang digunakan dan sebagainya.

2.2 Ulasan Kajian-Kajian Lepas

2.2.1 Sejarah Perkembangan Gamelan

Menurut Ismail Hamid (1988) dalam bukunya yang bertajuk Masyarakat dan Budaya Melayu menerangkan berkembangnya gamelan melayu melalui perkahwinan yang melibatkan keluarga diraja. Gamelan pada asalnya dibawa oleh kerajaan Riau-Lingga ke Johor. Kemudian pada abad ke 18 dibawa masuk ke Pahang dan dimainkan pada majlis perkahwinan diraja ketika itu. Semenjak itulah, berkembangnya gamelan ke Tanah Melayu dan perkembangannya turut meluas sehingga ke Terengganu masih melalui perkahwinan diraja. Persembahan gamelan ini bukan sahaja dipersembahkan melalui instrumen alat muzik, bahkan turut disertakan dengan tarian.

Seterusnya, daripada Pengarah Perbadanan Muzium Negeri Pahang, Datuk Ahmad Farid Abd Jalal menerusi sumber yang dipetik dari keratan akhbar Harian Metro yang bertajuk “Gamelan 208 tahun” menyatakan set gamelan berasal dari Riau-Lingga dan dibawa masuk ke Tanah Melayu pada tahun 1811 oleh kesultanan Riau-Lingga, Pulau Penyengat. Ia dibawa masuk ke Tanah Melayu ketika itu bagi tujuan memeriahkan majlis perkahwinan diraja yang berlangsung di Istana Pekan, Pahang. Perkahwinan yang berlangsung antara Wan Esah adinda kepada Bendahara Tun Ali iaitu pemerintah Pahang ketika itu dengan putera sulung Sultan Riau-Lingga iaitu Tengku Hussain. Semasa pemerintahan Sultan Pahang pertama iaitu Sultan Ahmad Al-Mu’adzam Shah, gamelan mula berkembang dan sering dimainkan di istana ketika berlangsungnya majlis-majlis khas seperti hari keputeraan Sultan, hari pertabalan dan sebagainya yang melibatkan majlis istana. Bukan itu sahaja, tarian gamelan turut mempunyai nama khas yang dikenali sebagai “Joget Pahang” yang diterajui oleh isteri Sultan Pahang itu sendiri iaitu Tengku Ampuan Wan Fatimah dan Che Zubedah yang merupakan isteri kedua baginda. Pada tahun 1913, sekali lagi set gamelan dibawa merantau bagi memeriahkan majlis persandingan diraja di Terengganu yang melibatkan puteri Sultan Pahang Tengku Ampuan Mariam dengan putera Sultan Zainal Abidin III iaitu Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah. Tahun 1915, set gamelan dibawa ke Terengganu oleh Che Zubedah yang ingin menetap bersama puterinya Tengku Ampuan Mariam dengan menantunya Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah di Terengganu dan diletakkan di istana Terengganu selepas setahun kemangkatan Sultan Pahang. Ianya diletakkan di Terengganu kerana tiada siapa yang dapat mewarisi seni gamelan di Pahang.

Di Terengganu, puteri Tengku Ampuan Mariam dapat mengajar tarian kepada pemuda-pemuda Terengganu, manakala suaminya Sultan Sulaiman mengajar alat muzik gamelan, hal ini dapat menyambung semula kesenian gamelan yang tiada pewarisnya. Seni gamelan mula mengalami kejatuhan selepas berlakunya Perang Dunia Kedua pada tahun 1941 kemudian pada tahun selepasnya pula kemangkatan Sultan Sulaiman. Disebabkan itulah alat muzik gamelan tersimpan rapi di kediaman Tengku Ampuan Mariam di Istana Kola, Kuala Terengganu. Pada tahun 1973 dengan keizinan Tengku Ampuan Mariam, set gamelan dibawa semula ke Pahang dan diserahkan kepada Muzium Sultan Abu Bakar di Pekan, Pahang. Set gamelan disimpan disitu dan apabila hendak melakukan persembahan ianya akan dikeluarkan.

2.2.2 Fungsi Persembahan Gamelan

Menurut Ahmad Farid (2008) mengatakan bahawa persembahan gamelan berfungsi sebagai persembahan iringan serta hiburan bagi raja, permaisuri serta para pembesar. Ini kerana, gamelan ini hanya dimainkan di istana semasa berlangsungnya majlis-majlis khas seperti majlis jamuan istimewa, majlis persandingan diraja, ulang tahun keputeraan sultan dan sebagainya yang melibatkan raja dan para tetamunya. Selain itu, persembahan gamelan ini juga dipersembahkan pada waktu malam iaitu pada tengah malam sehingga menjelang subuh di Pahang. Namun ada juga yang mengatakan ianya dimainkan selepas isyak sehingga tengah malam. Dalam artikel yang sama juga, Harun Mat Piah (1983) persembahan gamelan yang memukau ini dapat menarik minat orang ramai kerana lagu-lagu dan

bunyi-bunyi yang dikeluarkan daripada alat muzik gamelan itu sendiri sesuai dengan citarasa masyarakat Melayu.

2.2.3 Alat Muzik Gamelan

Menurut Razali Md Amin, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff dan Ab Samad Kechot (2017) dalam artikelnya yang bertajuk “Komunikasi, Instrumentasi, dan Seni Persembahan Gamelan Melayu dan Jawa” menjelaskan pada asalnya alat muzik gamelan mempunyai beberapa jenis terutama di Jawa, Indonesia. Namun yang dibawa dan terdapat di Tanah Melayu hanya lapan jenis instrumen iaitu sepasang gong, sarong peking, sarong demong, sarong barung, gambang kayu, kenong, keromong dan gendang. Kesemua alat muzik gamelan ini termasuk dalam kumpulan membranofon dan idiofon iaitu instrumen yang mengeluarkan bunyi daripada kulit yang ditegang serta dipalu seperti gendang, manakala kumpulan idiofon pula terdiri daripada alat muzik selain gendang yang mana mengeluarkan bunyi melalui tindak balas pada rangka badan yang bergema. Bagi alat muzik seperti sarong demong, sarong peking dan sarong barung, ianya mempunyai bilah yang sama iaitu sebanyak enam bilah yang diperbuat daripada logam. Meskipun mempunyai ciri yang sama, namun terdapat juga perbezaan antara ketiga-tiga jenis sarong ini seperti bunyi yang dihasilkan beserta saiz. Bagi saiz sarong yang paling besar dikenali sebagai sarong demong, kemudian saiz yang sederhana dipanggil sarong barung dan sarong yang memiliki saiz lebih kecil pula disebut sarong peking. Seterusnya, bagi bunyi yang dihasilkan pula, sarong

peking lebih mengeluarkan nada yang lebih tinggi berbanding sarong demong dan sarong barong. Ini menunjukkan semakin besar saiz sarong, maka semakin rendah nada yang dihasilkan. Instrumen muzik seperti keromong dan kenong pula jenisnya seperti canang cuma dibezakan dengan saiz dan bilangan canang. Bagi keromong, ianya terdiri daripada sepuluh buah canang kecil, sementara kenong pula mempunyai tiga buah canang yang bersaiz besar. Setiap satu bilangan canang tersebut mempunyai nada yang berbeza. Selain perbezaan bilangan dan saiz, peranannya juga terdapat perbezaan iaitu kenong diketuk untuk menandakan hujung satu atau dua measure serta diketuk juga secara down beat dua atau tiga, manakala keromong diketuk untuk menghasilkan bunga-bunga melodi yang berbentuk oktaf. Bagi instrumen lain seperti gong, gambang dan gendang pula merupakan alat muzik yang berbeza jenis. Seperti mana yang diketahui, gong merupakan alat muzik yang mempunyai busut ditengah dan dimainkan dengan nada rendah. Gambang pula ialah alat muzik yang memiliki 20 kepingan kayu yang berbeza mengikut ketebalan dan saiz. Ianya diketuk secara bergilir atau serentak dengan dua not yang berjarak satu oktaf. Satu-satunya alat muzik dari kumpulan membranofon iaitu gendang merupakan alat muzik yang dipukul dengan tapak tangan dan berfungsi sebagai rentak irama.

Kajian yang dijalankan oleh Patricia Matusky dan Tan (2004) menyatakan bahawa terdapat melodi dan nilai-nilaimuzik dalam gamelan melayu yang digunapakai. Sebagai contoh, melodi pokok dimainkan oleh sarong barong, manakala melodi bunga perlu dimainkan oleh sarong peking, gambang dan keromong. Selanjutnya, bagi nilai muzik pula, nilai krocet dan kuaver dimasukkan. Nilai krovot diwakilkan oleh sarong barong dan nilai

kuaver mewakili sarong peking serta gambang. Walaubagaimana pun, nilai krover dan kuaver dapat digabungkan dalam instrumen muzik kromong.

Mubin Sheppard (1967) menjelaskan instrumentasi muzik gamelan Melayu pada asasnya mempunyai tujuh jenis iaitu kromong, gambang, saron pekin, saron baron, kenong, gendang dan sepasang gong dan alat muzik yang paling sukar dimainkan adalah keromong. Bagi perletakan alat muzik dalam ensembel gamelan diterajui oleh keromong dan gambang yang mana diletakkan pada barisan hadapan. Seterusnya diikuti oleh barisan kedua yang terdiri daripada saron pekin, saron baron, kenong dan gendang. Manakala gong kedudukannya terletak diakhir barisan.

Menurut penulis blog "Gamelan Melayu" Farizan M Mazuri mengatakan bahawa terdapat lima nada dalam gamelan Melayu dan asas melodi dimainkan oleh metalofon dan zilofon. Saron besar serta saron kecil termasuk dalam melodi metalofon. Melodi zilofon pula terbahagi kepada gambang, kenong, keromong yang berfungsi sebagai ukuran kitaran untuk sesebuah lagu dan gendang sebagai pelengkap rentak.

2.2.4 Tarian Joget Gamelan

Menurut penulis Joget Gamelan Pahang daripada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara menerangkan bahawa gerak tari joget gamelan berasal daripada unsur-unsur cerita panji yang melibatkan pergerakan seperti melakukan aktiviti harian atau meniru pergerakan haiwan seperti ketam, ayam dan sebagainya.

Menurut penulis Wikipedia, ensiklopedia bebas tarian gamelan pada asalnya mempunyai 77 jenis, namun disebabkan ketiadaan guru untuk mengajarnya kini hanya tinggal 33 jenis tarian sahaja. Antara tariannya termasuklah Ayak-Ayak, Timang Burung, Geliung, Lantai Lima, Ketam Renjung, Kending Gajah, Togok Rompin, Lambangsari, Galuk Merajuk, Kunang-Kunang Mabuk, Silatin, Lolo serta Monab.

Seterusnya, artikel yang bertajuk “Makna Dan Sejarah Tarian Gamelan” daripada blog Seiring Jalan ini memberitahu bahawa para penari gamelan ini kebiasaannya terdiri daripada empat atau lapan orang penari wanita. Para penari ini akan mengerakkan badan dengan lemah gemalai serta gerakan dan reaksi wajah yang ceria, ditambah pula dengan iringan muzik yang Menyemarakkan suasana tarian. Menurutny lagi, kunci utama bagi gerakan tarian gamelan ini adalah gerak badan yang penuh gemalai sertas elaras antara penari. Gerakan tangan juga merupakan hal penting dalam persembahan tarian gamelan ini kerana ianya yang akan menceritakan pelbagai kegiatan seperti pergerakan sedang meminum air menggunakan Secangkir kopi dan sebagainya.

Di dalam buku yang bertajuk Joget Gamelan Pahang dan Terengganu ditunjukkan jenis tarian yang dimaksudkan beserta penceritaannya.

1. Cerita yang dipetik daripada cerita Panji Semerang

Bil.	Nama Tarian	Penceritaan
------	-------------	-------------

1.	Ayak-Ayak	Persiapan kerja-kerja untuk jamuan diraja.
2.	Gagak Seteru	Gerak geri Gagak Raden
3.	Timang Burung	Gerak geri Burung Galoh yang pandai menari.
4.	Perang Manggung	Menempak burung Inu Kuripan.
5.	Timang Inu	Gambuh memanah
6.	Gambuh	Raden menteri memujuk Raden Puteri
7.	Manggung	Inu dan Galoh balik ke Kuripan
8.	Sembawa Balik	Betara guru menghidup kembali Galoh
9.	Serkas Tunggal	Inu bermain di Balai
10.	Bujang Emas	Raden Galoh berjumpa nenek Kebayan
11.	Burung atas gunung	Inu berperang

12.	Perang	
-----	--------	--

2. Cerita yang berkisahkan daripada cerita rakyat yang sedang melakukan aktiviti seharian.

Bil.	Nama Tarian	Penceritaan
1.	Lantai Lima	Bersuka ria sesama muda
2.	Ketawang	Memotong kayu
3.	Bayan Budiman	
4.	Selanting	Kakang cerikmenari
5.	Ketam Renjong	Menari gerakan ketam
6.	Wni-wami	Gerakan mandi kolam
7.	Geliong	Pertukaran bayi
8.	Lambang sari	Aktiviti bermain di taman
9.	Selarok	Belanda mabuk

10.	Bangun Mati	Pemulih
11.	Ayak-Ayak Dalang	Ganti mengebeng
12.	Tongkang Masuk	Orang India Masuk Jawa

3. Cerita yang dipetik daripada kisah Ramayana

Bil.	Nama Tarian	Penceritaan
1.	Seri Rama Balik	Perang Garuda
2.	Perang Besar	Perang Besar
3.	Selinan	Perang Seri Rama

2.3 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, daripada kajian-kajian yang terdahulu pengkaji mendapati bahawa tiada rujukan yang lebih teliti mengenai tarian joget gamelan. Ini kerana, kebanyakan pengkaji terdahulu lebih banyak

mengkaji mengenai alat muzik gamelan serta sejarah perkembangannya. Setiap sumber rujukan daripada artikel mahupun blog-blog tidak memberikan fakta yang jelas mengenai tarian joget gamelan beserta repertoirenya. Ini akan menimbulkan masalah kerana orang ramai hanya akan mengetahui mengenai sejarah perkembangan gamelan dan muzik yang dimainkan sahaja tanpa berminat untuk menyelidiki makna disebalik pergerakan tarian joget gamelan yang lemah gemalai serta dengan kisah dan jalan ceritanya yang tersendiri. Oleh itu, dengan adanya kajian mengenai ini, ianya mampu memberi kesedaran akan kewujudannya seterusnya melestarikan seni persembahan gamelan ini.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan mengenai langkah-langkah untuk mendapatkan data, kemudian kaedah untuk menganalisis data tersebut bagi mendapatkan maklumat yang sahih. Metodologi ditafsirkan dengan suatu proses penyelidikan yang merangkumi pelbagai andaian serta sistem nilai yang menjadi sebab utama untuk pengkaji membuat penyelidikan bagi mentafsir data dan membuat kesimpulan. Penyelidikan ini amat penting bagi pengkaji kerana ianya bertindak sebagai panduan kepada pengkaji untuk mengetahui bagaimana data dicari dan dikumpul. Selain itu, bab ini juga menerangkan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan metodologi kajian seperti reka bentuk kajian, kaedah kajian, lokasi kajian dan sebagainya. Kajian ini secara tidak langsung dapat memberikan ilmu pengetahuan yang baru kepada pengkaji.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji, pengkaji menggunakan kaedah kajian kualitatif, iaitu kajian yang menggunakan analisis data untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian yang dikaji. Kebiasaannya kaedah yang digunakan adalah seperti teknik pengumpulan data sekunder dan primer. Bagi data sekunder, ianya diambil daripada hasil pengumpulan individu lain atau diambil daripada bahan rujukan seperti internet, buku, majalah, surat khabar dan sebagainya. Manakala maklumat yang didapati daripada data primer kebiasaannya seperti temubual, pemerhatian, kajian lapangan dan tinjauan.

3.3 Kaedah Perpustakaan

Kaedah perpustakaan dijadikan kaedah utama oleh pengkaji untuk memperolehi maklumat dalam pelbagai bentuk. Ini kerana selain buku-buku, bahan bacaan lain seperti surat khabar, jurnal-jurnal, tesis, majalah dan sebagainya turut boleh didapati di perpustakaan.

Dalam kajian ini, data yang diperoleh oleh pengkaji melalui segala bentuk bacaan di perpustakaan akan menambahkan lagi kesahihan dalam penyelidikan kerana kebanyakan penulisan yang terdapat di perpustakaan terutama buku-buku ditulis oleh tokoh-tokoh terkenal. Oleh yang demikian, maklumat tersebut akan dapat membantu pengkaji meneruskan kajian dengan lebih baik lagi dan memudahkan proses penyelidikan mengenai fungsi persembahan muzik gamelan ini.

3.4 Kaedah Rujukan Internet

Pengkaji juga turut menggunakan kaedah internet untuk mendapatkan maklumat tambahan. Dengan laman web dan blog-blog yang boleh dilayari, pengkaji dapat menggabungkan idea dengan sumber rujukan yang diperolehi diperpustakaan bagi menghuraikan kajian mengenai fungsi persembahan gamelan.

3.5 Kajian Lapangan

3.5.1 Temu Bual

Dalam kaedah ini, pengkaji akan menggunakan perakam audio atau video, mencatat secara tulisan dan orang yang hendak ditemu ramah hendaklah tahu tujuan utama pengkaji melakukan temu bual tersebut. Pengkaji juga perlu peka dan aktif semasa mendengar tutur bicara responden supaya kesahihan data dapat dijaga. Dalam kajian ini, pengkaji akan melakukan temu bual di Kuala Terengganu bersama seseorang yang berpengalaman dan mahir terhadap persembahan gamelan di Terengganu.

3.5.2 Pemerhatian

Pemerhatian adalah kaedah yang paling penting yang perlu pengkaji laksanakan sehingga selesai kajian. Pengkaji akan memulakan pemerhatian dengan mencari dan pergi ke lokasi kajian yang dipilih, kemudian melibatkan

diri dalam persembahan gamelan seperti bermain alat muzik gamelan dan mempelajari gerak tari joget gamelan. Dengan ini, pengkaji akan dapat merasai sendiri pengalaman memainkan alat muzik tradisional gamelan dan menarikan tarian joget gamelan

3.6 Analisis Kajian

Setelah semua data tersedia, data dan maklumat ini akan dikumpul untuk memudahkan penyelidik menganalisis data tersebut. Dalam analisis kajian ini, pengkaji akan meneliti beberapa aspek berkaitan perbandingan fungsi persembahan gamelan pada masa dahulu dan kini. Selain itu, kajian ini juga meliputi aspek jenis alat muzik yang digunapakai serta kajian juga terhadap maksud dan teknik pergerakan dalam tarian Joget Gamelan.

3.7 Kesimpulan

Kesimpulannya ,kajian mengenai fungsi persembahan muzik gamelan ini memerlukan kaedah kajian yang sistematik supaya maklumat yang jelas dan terperinci dapat dicapai. Dengan kaedah yang sudah dinyatakan, pengkaji akan dapat menjalankan penyelidikan mengenai peranan persembahan gamelan ini dengan lebih fokus.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan mengenai hasil dapatan kajian yang telah diperolehi oleh pengkaji berdasarkan kaedah-kaedah yang telah digunakan. Selain menggunakan kaedah data sekunder untuk memperolehi maklumat melalui sumber rujukan di perpustakaan dan internet, pengkaji juga menjalankan kaedah data primer yang membolehkan pengkaji turun ke kajian lapangan untuk menemu bual tokoh yang terlibat serta membuat pemerhatian terhadap kajian yang dilakukan. Hasil daripada kaedah tersebut, pengkaji dapat mengumpulkan maklumat yang diperolehi bagi menyelesaikan objektif kajian dalam bab 1. Maklumat atau data tersebut akan dibincangkan dalam bab ini sebagai bukti terhadap kajian yang telah dilakukan.

4.2 Temu Bual



Pengkaji telah pergi ke Kampung Mengabang Tengah di Kuala Terengganu dan telah mewawancara seorang seniwati yang aktif dalam persembahan gamelan iaitu Puan Wan Salmah Binti Wan Sulaiman atau lebih mesra dipanggil 'Mommy'. Beliau bergerak aktif sebagai penyanyi dan penari persembahan gamelan serta turut berkebolehan dalam bidang lakonan dan berpuisi. Dalam persembahan gamelan, beliau sempat mempelajari gerak tari daripada penari generasi pertama dalam Joget Gamelan iaitu Mak Nan atau Puan Adnan Binti Abdullah. Beliau juga adalah tokoh yang terlibat dalam membawa persembahan gamelan ke peringkat antarabangsa. Oleh itu, menerusi temu bual ini pengkaji telah bertanyakan beberapa soalan yang berkaitan dengan objektif kajian serta soalan sampingan bagi mendapatkan info tambahan mengenai persembahan gamelan.

4.2.1 Apakah perbezaan antara fungsi persembahan gamelan pada zaman dahulu dan kini?

Menurut Wan Salmah, ketika set alat muzik dan penari gamelan mula dimainkan pada majlis persandingan diraja di Pekan, Pahang pada tahun 1811, semenjak itu persembahan ini menjadi persembahan rasmi istana jika terdapat majlis-majlis atau istiadat-istiadat. Ianya juga hanya dipersembahkan dihadapan raja, permaisuri serta golongan pembesar sahaja, tidak kepada rakyat jelata. Apabila persembahan ini berkembang di negeri Terengganu juga, ianya masih mengekalkan tradisi yang sama iaitu berfungsi sebagai persembahan yang mengiringi majlis-majlis yang terdapat di istana.

Selepas persembahan gamelan diberhentikan daripada melakukan persembahan disebabkan kemangkatan sultan dan penaklukan Jepun di Tanah Melayu ketika itu. Kemudian pada tahun 1969, Tan Sri Mubin Sheppard telah mengembalikan semula persembahan gamelan dengan hanya membawa bekas pemuzik-pemuzik gamelan Terengganu ke Kuala Lumpur bagi mempersembahkan permainan mereka di Pesta Muzik dan Drama Asia Tenggara anjuran Universiti Malaya. Pada tahun 1970 pula, persembahan gamelan yang lengkap yang terdiri daripada pemuzik dan penari telah dipersembahkan di Temasya Seni Melayu anjuran Universiti Malaya, ianya juga atas usaha Tan Sri Mubin Sheppard yang bersungguh menubuhkan penari dan pemuzik gamelan seterusnya mengembangkan dan memperkenalkan persembahan ini kepada orang ramai.

Oleh itu, semenjak persembahan gamelan ini dipersembahkan semula di khalayak ramai pada tahun 1969, ianya sudah menjadi persembahan

umum yang mana sesiapa sahaja boleh menyaksikan persembahan ini malah turut membuka peluang kepada orang awam terutama anak muda untuk mempelajari kesenian gamelan ini sehingga kini. Kini, ianya banyak dimainkan di majlis-majlis rasmi seperti pesta konvokesyen atau persembahan festival yang terdapat dalam setiap negeri, namun pada masa yang sama persembahan ini masih tetap dimainkan dalam istiadat istana.

4.2.2 Apakah jenis instrumen muzik gamelan yang telah dibawa masuk ke Tanah Melayu?

Perkataan gamelan dapat dilihat dalam dua aspek yang berbeza iaitu, perkataan gamelan boleh dimaksudkan dengan beberapa alat muzik yang dipukul, diketuk atau ditabuh bagi mengeluarkan suara-suara muzik. Ianya berdasarkan perkataan gamel dalam bahasa Jawa yang membawa maksud dipukul, diketuk atau ditabuh. Dalam aspek yang lain pula, perkataan gamelan itu bermaksud satu orkestra yang mengandungi alat-alat muzik berbentuk gong dan bilahan yang diperbuat daripada gangsa serta alat lain yang ditabuh, dipukul atau diketuk untuk menghasilkan bunyi. Kata Wan Salmah, terdapat enam jenis alat muzik gamelan yang dibawa masuk dari Jawa ke Tanah Melayu dan lima daripadanya adalah alat-alat idiafon yang merupakan alat yang diperbuat daripada gangsa dan lebih satu alat lagi adalah alat muzik membranofon yang dihasilkan melalui kulit binatang.

Alat muzik idiofon tersebut adalah gong besar dan gong kecil yang digantung pada rangka kayu dan berfungsi sebagai penanda waktu utama dalam sistem muzik Joget Gamelan. Seterusnya adalah kenong yang merupakan alat muzik bermangkuk yang diletakkan secara mendatar di atas

regangan tali yang bersilang pada permukaan kayu empat segi dengan pencu yang memandang ke atas. Sama seperti gong, kenong juga berperanan sebagai penanda waktu utama dalam sistem muzik persembahan gamelan. Kemudian alat muzik bermangkuk yang sedikit kecil yang dipanggil keromong atau bonang merupakan alat muzik yang terdiri daripada 10 biji gong kecil yang disusun secara dua baris selari di atas regangan tali pada sebuah rangka kayu, dalam persembahan gamelan ianya bertugas sebagai alat muzik yang menghiasi atau menghuraikan melodi asas. Selanjutnya adalah alat muzik yang terdiri daripada 20 kepingan kayu yang diletakkan secara melintang di atas kotak kayu (trongu) dan memainkan peranan sebagai penyalun yang mengembangkan melodi asas dan pada kebiasaannya juga gambang akan memberikan beberapa tanda atau isyarat bagi memulakan atau mengakhiri persembahan. Alat idiofon yang terakhir dalam persembahan gamelan adalah sarun demong, sarung pekin dan sarung barung. Ketiga-tiga sarung ini mempunyai bilangan bilahan logam yang sama cuma berbeza dari segi ukuran saiz dan mereka juga digunakan untuk memainkan melodi asas dalam repertoire muzik gamelan. Dan salah satu alat membranofon dalam repertoire muzik gamelan adalah gendang dua muka yang dilitupi dengan kulit binatang yang diregangkan di setiap hujung gendang tersebut. Gendang ini digunakan dalam persembahan Joget Gamelan adalah bertujuan untuk memberikan atau menyediakan corak-corak irama dalam persembahan.

Menurut Wan Salmah lagi, alat muzik gamelan yang berasal dari Jawa ini pada asalnya mempunyai banyak jenis dan terdiri daripada pelbagai kategori, namun yang hanya dibawa masuk dan digunakan dalam

persembahan gamelan di Tanah Melayu adalah seperti yang dinyatakan itu sahaja.

4.2.3 Apakah maksud di sebalik tarian Joget Gamelan beserta pergerakannya?

Menurut penari asal Joget Gamelan ini, setiap tarian yang terdapat dalam Joget Gamelan telah dicipta serta disusun mengikut bentuk atau teknik yang telah ditetapkan. Dan disebabkan itu jugalah persembahan ini sangat istimewa dari aspek corak dan bentuk persembahan tarinya yang tidak dapat dikaitkan dengan kebanyakan gerak tari yang terdapat di Malaysia.

Tarian-tarian yang dipersembahkan didalamnya adalah berasaskan cerita yang diambil daripada melalui cerita panji, cerita rakyat yang melakukan aktiviti seharian serta cerita Ramayana.

Bagi pergerakan tarian Joget Gamelan pula, terdapat gerakan punca dan gerakan asas yang perlu dilakukan setiap kali persembahan Joget Gamelan ini dilakukan. Kata Wan Salmah, gerakan punca adalah gerakan yang dilakukan berdasarkan cerita-cerita seperti yang dinyatakan iaitu gerakan aktiviti seharian manusia seperti tarian Lambang Sari yang terdapat gerakan menjala, menyikat rambut, mandi dan memetik bunga juga tarian Geliong yang mempamerkan gerakan seperti sedang bermain-main bersama bayi, menyusui bayi dan mendodoi bayi. Gerakan punca yang selanjutnya adalah gerakan yang berdasarkan gerak binatang dan alam seperti tarian Ketam Renjong yang melakonkan gerakan gerak ketam, tarian Timang Burung yang menirukan aksi burung, tarian Ayak-ayak pula menggambarkan

proses penyembelihan ayam yang dimulai dengan melakukan pergerakan seekor ayam kemudian menangkap dan mengikat kaki ayam sehinggalah kepada aksi penyembelihan ayam tersebut.

Meskipun ianya memfokuskan pada gerakan punca yang merangkumi ketiga-tiga sumber penceritaan tersebut tetapi, terdapat gerakan yang mesti dimainkan dalam persembahan gamelan iaitu gerak dasar yang merupakan gerakan terpenting yang mencerminkan bentuk gerak dalam Joget Gamelan. Antara gerak dasar yang dilakukan adalah seperti gerak sembah iaitu gerak yang dilakukan semasa permulaan tarian yang disebut sembah buka, juga gerak yang dilakukan di akhir persembahan Joget Gamelan yang disebut dengan gerak sembah penyudah. Selain gerak sembah, terdapat juga gerakan lain dalam gerak dasar yang mana gerakan ini kebiasaannya dilakukan untuk mencukupkan hitungan sesebuah lagu atau berpindah tempat iaitu gerakan campak lenggang melayah serta gerak campak lenggang sambut gong yang akan dimainkan semasa gong kecil dan gong besar diketuk.

4.3 Pemerhatian

Pengkaji telah pergi ke Kuala Terengganu dan menjalankan pemerhatian secara tidak serta dalam kajian ini. Melalui pemerhatian ini, pengkaji dapat menyaksikan secara langsung alat muzik gamelan dimainkan serta tarian Joget Gamelan ditarikan oleh penari asal Joget Gamelan.

4.3.1 Pemerhatian Alat Muzik Gamelan



Pengkaji telah pergi ke Istana Tengku Long yang terletak di Muzium Negeri Terengganu dan menyaksikan sendiri bagaimana set alat muzik gamelan dimainkan. Melalui pemerhatian ini, pengkaji dapat melihat sendiri jenis, rupa dan bentuk set gamelan ini yang sebenar dan bagaimana ianya dimainkan. Sehubungan itu, melalui pemerhatian pengkaji terhadap penggunaan alat muzik gamelan juga dapat dilihat bahawa ahli yang memainkan alat tersebut masih lagi menggunakan enam jenis peralatan muzik gamelan yang sama dengan yang asal iaitu gong, kenong, keromong, gambang, sarung demong, pekin dan baron serta gendang.

Menurut pekerja istana tersebut, tujuan alat muzik gamelan ini dimainkan di Istana Tengku Long adalah untuk menyambut kedatangan tetamu yang berkunjung ke istana di samping ingin memperkenalkan set alat muzik gamelan yang sudah menjadi lambang warisan di negeri Terengganu disebabkan kejayaan yang pernah dikecapi daripada persembahan gamelan ini suatu ketika dahulu. Selain itu juga, pihak muzium ingin mengekalkan persembahan ini sebagai persembahan istana yang pernah dilakukan suatu ketika dahulu pada awal kemunculannya di Tanah Melayu terutama negeri

Terengganu, meskipun sekarang alat muzik gamelan ini dimainkan kepada tetamu yang berkunjung.

4.3.2 Pemerhatian Tarian Joget Gamelan



Semasa menjalankan sesi temu bual bersama seniwati yang aktif dalam persembahan gamelan terutama dari aspek tarian Joget Gamelan, pengkaji telah meminta beliau untuk menarik sedikit daripada tarian yang terdapat dalam persembahan Joget Gamelan. Dengan tenaga yang dimiliki oleh beliau, pengkaji sekali lagi berpeluang untuk menyaksikan tarian

gamelan iaitu Tarian Timang Burung ditarikan oleh penari asal Joget Gamelan. Meskipun tidak semua tarian dapat dilihat, namun pengkaji berpuas hati dengan gerakan tarian yang ditunjukkan oleh Wan Salmah yang sama seperti yang diperkatakan mengenai gerakan tarian Joget Gamelan yang mempungai gerakan dasar dan gerakan punca. Hal ini dikatakan demikian kerana penari asal gamelan ini menarikan gerakan Joget Gamelan dari awal lagu dimainkan sehinggalah selesai.

Menerusi kaedah pemerhatian ini, dapat disimpulkan bahawa alat muzik gamelan yang digunakan dalam persembahan gamelan di istana masih lagi mengekalkan alat muzik yang sama dan tidak ada pembaharuan alatan moden meskipun telah berada di zaman pemodenan. Selain itu, meskipun berada dalam keuzuran disebabkan faktor usia, namun ianya tidak menghalang seniwati Wan Salmah untuk menunjukkan keunikan dan keindahan gerak tari Joget Gamelan kepada pengkaji. Hal ini dapat dirasai sendiri oleh pengkaji bagaimana sayang dan hargainya beliau terhadap kesenian gamelan ini serta dapat melihat jiwa kesenian dalam diri beliau.

4.4 Cadangan atau Pendapat Responden

Dalam temu bual yang dijalankan, pengkaji meminta pendapat beliau mengenai kesinambungan kesenian gamelan ini pada masa akan datang. Oleh yang demikian, Puan Wan Salmah menyuruh supaya ramai anak muda yang melibatkan diri dalam kesenian gamelan ini sama ada dari aspek tarian

mahupun repertoire muziknya. Hal ini dikatakan begitu kerana beliau melihat bahawa anak muda masa kini berkebolehan dalam pelbagai bidang dan boleh mengembangkan kesenian ini bersesuaian dengan zaman mereka, terutama dalam bidang teknologi media sosial yang semakin popular ketika ini yang membolehkan pelbagai lapisan masyarakat melihat kesenian ini dan berupaya menghidupkannya terus agar tidak lenyap. Beliau juga mengingatkan anak muda supaya tidak terlalu taksab akan kebanyakan persembahan moden masa kini terutama dari luar negara yang jelas tidak sihat dan tidak sesuai dengan budaya kita sebagai orang Melayu. Oleh yang demikian beliau berharap supaya semua pihak bertanggungjawab dalam memastikan golongan muda tidak hanyut dengan budaya tidak sihat, lantas menarik minat mereka untuk menghargai seni warisan yang sedia ada hasil tiggalan warisan orang-orang terdahulu khususnya persembahan gamelan ini. Dengan usaha seperti ini, kesenian gamelan akan mampu bertahan lama dan tidak akan lenyap kerana adanya generasi yang terus mewarisinya dan memperkembangkannya sama seperti masa dahulu yang mana persembahan gamelan pernah mencapai zaman kegemilangannya ke peringkat antarabangsa.

Pengkaji juga bertanyakan sekiranya ada penambahan atau pembaharuan dalam persembahan gamelan dan jawapan daripada Puan Wan Salmah adalah beliau tidak bersetuju sama sekali sekiranya wujudnya pembaharuan dalam kesenian gamelan tidak kiralah dari alat muziknya mahupun tariannya. Hal ini dikatakan demikian kerana, tarian joget gamelan adalah antara tarian yang unik dan istimewa yang terdapat di Malaysia menerusi setiap gerak geri yang lemah gemalai, jika dicampur dengan tarian

moden masa kini yang kebanyakannya lari daripada seni tari Melayu itu sendiri boleh menyebabkan keaslian tarian Joget Gamelan ini hilang. Beliau bertegas dalam hal ini kerana, beliau sendiri pernah menyaksikan tarian Joget Gamelan diubah suai gerakannya semasa beliau menjadi penilai dalam sesuatu acara, dan sejak itu beliau tidak berkenan sekiranya melihat tarian asal Joget Gamelan ini diperbaharui dengan mana-mana gerakan termasuklah mencampuri tarian yang asal dengan mana-mana tarian moden masa kini. Namun Puan Wan Salmah juga menyatakan bahawa beliau tidak menghalang mana-mana penggiat seni atau tenaga pengajar untuk mengubah tarian ini mengikut kreativiti masing-masing kerana seni katanya seni itu bebas dan luas, dan sesiapa sahaja berhak keatasnya. Bagi alat muzik gamelan pula, beliau bersetuju jika ada penambahan instrumen muzik gamelan dalam persembahan tetapi tidak penambahan alat muzik moden dan selain daripadanya. Hal ini kerana, sekiranya ramai yang memainkan set alat muzik gamelan, suasana akan terasa lebih meriah dan menyeronokkan.

4.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dalam bab ini pengkaji dapat mencapai obejktif kajian dan berjaya menjawab persoalan kajian seperti yang telah dinyatakan dalam bab 1. Berdasarkan kaedah temu bual pengkaji dapat menyimpulkan bahawa meskipun fungsi kesenian gamelan ditukar daripada khusus untuk kerabat diraja, kepada dipertontonkan secara umum untuk orang ramai tetapi tujuannya tetap sama iaitu sebagai hiburan di setiap majlis.

Apabila ianya dipertontonkan kepada umum seperti sekarang, orang ramai dapat mengenali persembahan gamelan yang penuh dengan keunikan dan keindahan terutama daripada gerak tarinya. Pengkaji juga dapat mengetahui kelembutan di sebalik tarian Joget Gamelan ini yang penuh dengan unsur penceritaan yang menarik.

Seterusnya, melalui kaedah pemerhatian pula, dapat dirumuskan bahawa pengkaji dapat mengetahui dan membezakan instrumen muzik gamelan dan menyaksikan secara langsung tarian yang ditarikan oleh Puan Wan Salmah. Akhir sekali, melihat kepada pendapat dan cadangan yang diberikan oleh penggiat seni gamelan ini jelas menunjukkan yang beliau sangat menginginkan anak muda dan golongan belia menceburkan diri dalam persembahan gamelan ini untuk memastikan ianya tidak lenyap, serta ketegasan beliau terhadap ketidaksetujuan persembahan ini diperbaharui dan diubah suai kerana jika diubah maka, generasi seterusnya tidak akan dapat melihat keasliannya yang sebenar.

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Secara keseluruhannya, dalam bab terakhir ini pengkaji akan menyatakan perbincangan terhadap kajian yang telah dilaksanakan serta memberikan beberapa cadangan bagi penambahbaikan terhadap kajian yang telah dijalankan. Terdapat juga kesimpulan yang telah ditulis oleh pengkaji terhadap semua kajian yang telah dilakukan bermula daripada bab satu sehinggalah bab terakhir iaitu bab lima. Oleh itu, kesemua hasil kajian atau penyelidikan yang telah diperolehi semasa menjalankan kajian akan disimpulkan dalam bab ini dan perlu dirumuskan dengan sebaik mungkin supaya pembaca tidak keliru dengan maklumat yang terdapat dalam laporan kajian yang telah ditulis oleh pengkaji terdahulu.

5.2 Cadangan

Berdasarkan hasil kajian yang telah diperolehi, pengkaji telah mengenalpasti beberapa cadangan yang boleh diutarakan untuk memastikan

kesenian persembahan gamelan ini terpelihara dan dikekalkan sebagai khazanah warisan budaya kita.

5.2.1 Individu/ Pengkaji

Antara cadangan yang boleh diketengahkan oleh pengkaji ialah menyarankan supaya pendokumentasian kesenian warisan khususnya alat muzik gamelan dan tarian Joget Gamelan di mana-mana platform teknologi moden masa kini supaya generasi akan datang dapat mengenali secara asas mengenai persembahan tradisional gamelan ini yang sememangnya terkenal dalam kalangan istana suatu ketika dahulu. Selain itu, pengkaji juga mencadangkan dengan memberikan pendedahan mengenai persembahan gamelan ini di peringkat institusi pendidikan terutamanya pada peringkat awal iaitu peringkat sekolah. Dengan adanya pendedahan dari peringkat awal ini akan memberikan kebaikan kepada generasi muda dalam mempelajari dan mengenali secara asas berkaitan dengan kesenian gamelan ini dengan mempelajarinya secara praktikal dan juga teori dalam subjek muzik tradisional, persembahan tradisional mahupun kelab atau persatuan.

Hal ini perlulah dititikberatkan oleh pihak sekolah untuk mewujudkan subjek atau kelab warisan tradisional di sekolah supaya pelajar-pelajar dapat menjalani latihan atau praktikal secara awalan di peringkat sekolah. Dengan adanya penubuhan subjek atau kelab tradisional di sekolah, golongan muda akan mampu dibentuk dan diasah bakat mereka dengan bermain alat muzik gamelan disamping menarik gerakannya sekali. Ianya juga boleh menarik dan menanam minat mereka dari awal seterusnya berupaya dalam

meneruskan kesenian persembahan tradisional ini pada masa akan datang.

Pengkaji juga mencadangkan supaya bahan bacaan mengenai persembahan ini diperbanyakkan lagi sebagai bahan rujukan bagi pengkaji dan penggiat seni khususnya kepada pelajar yang sedang berusaha dalam menghasilkan satu kajian berkaitan dengan persembahan gamelan ini. Dengan adanya bahan rujukan seperti buku, artikel dan lain-lain ini akan memudahkan pelajar dan penyelidik dalam membuat satu rujukan yang lebih mendalam. Ini dikatakan demikian kerana, bahan rujukan mengenai kesenian gamelan ini sangat sukar diperolehi. Justeru itu, bahan rujukan ini haruslah diperbanyakkan lagi di perpustakaan awam, perpustakaan universiti dan lain-lain bagi memudahkan pengkaji dalam mencari maklumat.

5.2.2 Masyarakat

Masyarakat merupakan elemen yang penting dalam usaha mengekalkan warisan supaya dapat dipelihara dan dikekalkan kepada generasi seterusnya. Masyarakat haruslah mengambil peluang untuk berganding bahu bersama kerajaan bagi memartabatkan lagi kesenian gamelan khususnya di negeri Pahang dan Terengganu yang merupakan negeri asal gamelan ini wujud dan diperkenalkan. Kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menjaga dan memelihara kesenian gamelan ini haruslah semakin giat dijalankan supaya kesenian ini terus diperkembangkan dan diperkenalkan kepada semua lapisan masyarakat. Ini dikatakan demikian kerana masyarakat kini lebih cenderung dengan alat muzik serta tarian moden yang semakin hari semakin berleluasa dalam kalangan golongan

muda. Ini juga kerana arus pemodenan masa kini yang berkembang pesat mengikut keadaan semasa termasuklah dari segi budaya, muzik, pakaian dan sebagainya. Sekiranya masyarakat kita sendiri tidak mengambil endah akan kesenian ini, maka golongan muda ini akan terus hanyut dengan arus kemodenan yang kian hari kian berkembang dan impaknya, mereka akan lupa dan tidak mengendahkan lagi kesenian gamelan yang sudah bertapak lama di Tanah Melayu. Dengan itu, cadangan yang ingin diutarakan dalam masyarakat adalah masyarakat perlu menyokong usaha kerajaan dan membantu kerajaan dalam memastikan persembahan gamelan ini dipelihara dan diperkenalkan kepada golongan masa kini yang semakin melupakan budaya dan warisan lama masyarakat dahulu. Masyarakat juga hendaklah mengambil setiap peluang yang diberikan oleh kerajaan untuk memperkenalkan atau mempromosikan kesenian gamelan ini kepada generasi kini dengan harapan dapat menarik minat mereka untuk mengubah haluan kepada persembahan tradisional budaya masyarakat kita.

5.2.4 Kerajaan

Pemantauan daripada pihak berkuasa amat penting dan diperlukan dalam perusahaan atau industri kesenian supaya ianya mendapat sambutan oleh masyarakat luar serta berupaya untuk bertahan dalam jangka masa yang lama. Sebagai contoh, pihak kerajaan seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri (JKKN) serta Pihak Pelancongan Negeri mestilah memainkan peranan yang penting untuk memperkenalkan kesenian gamelan ini kepada masyarakat umum terutama golongan belia dan pelancong dari

dalam dan luar negara. Contoh yang boleh dilakukan oleh agensi pelancongan adalah dengan mengadakan satu hari kebudayaan kepada pelancong untuk mereka lebih mengenali mengenai kesenian gamelan ini . Sehubungan itu, libatkan mereka juga dalam persembahan tarian dan bermain alat muzik gamelan agar mereka dapat merasai pengalaman tersebut dan menarik minat mereka terhadap persembahan gamelan.

Antara usaha dan langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk mengetengahkan persembahan gamelan ini adalah dengan mengadakan persembahan di majlis-majlis rasmi kerajaan atau di hotel oleh pihak kerajaan yang terlibat. Apabila persembahan ini dimainkan secara kerap dalam sesuatu majlis, ianya akan mendedahkan budaya dalam persembahan gamelan ini kepada masyarakat luar seterusnya dapat mempromosikan persembahan ini kepada masyarakat umum di samping menarik minat generasi kini untuk mempelajari dan meneruskan pemeliharaan kesenian persembahan gamelan ini.

Selain itu, pihak kerajaan juga perlu menyediakan bengkel kepada masyarakat, golongan muda dan belia terutamanya. Seperti yang sedia maklum, tujuan bengkel ini dianjurkan oleh pihak bertanggungjawab adalah bertujuan untuk mencungkil dan mengasah bakat mereka dalam dalam bidang alat muzik gamelan serta tarian Joget Gamelan. Hal ini supaya melalui latihan yang telah diberikan oleh tenaga pengajar yang pakar dan mahir akan berupaya membantu masyarakat yang berminat untuk meluaskan lagi kemahiran mereka bukan sahaja bermain alat muzik tetapi boleh juga belajar berkaitan gerak tari Joget Gamelan. Mereka yang berminat menyertai bengkel ini juga akan memperoleh ilmu yang sangat luas kerana ianya tidak tertumpu

kepada teknik bermain alat muzik sahaja, malah terdapat seni tari gamelan yang boleh dipelajari menerusi bantuan tenaga pengajar yang mahir dalam seni. Dengan adanya bengkel seperti ini, penganjur hendaklah menyediakan segala kelengkapan dan kemudahan bagi setiap masyarakat yang menyertai bengkel yang dilakukan ini.

Bukan itu sahaja, ianya perlulah dilakukan secara sempurna dan teratur seperti mengedarkan risalah atau poster berkaitan dengan bengkel kepada masyarakat awam secara percuma. Poster dan risalah tersebut merupakan salah satu pendedahan awal untuk menarik minat masyarakat menyertai bengkel yang dianjurkan tersebut. Di samping itu, pihak penganjur haruslah mendapatkan tenaga pengajar yang mahir dalam persembahan gamelan dengan menghadirkan guru yang pakar dalam memainkan alat muzik gamelan serta guru tari yang benar-benar berkebolehan dan berpengalaman dalam menarikan tarian Joget Gamelan. Jadi, pentingnya anjuran bengkel ini kepada masyarakat umum sebagai langkah untuk memberi pendedahan dan menarik minat generasi kini untuk memelihara kesenian tradisional gamelan ini daripada ketinggalan zaman.

Secara keseluruhannya, cadangan yang dinyatakan adalah bertujuan untuk membantu persembahan gamelan berkembang dan terkenal sejajar dengan era masa kini. Cadangan tersebut juga adalah untuk penambahbaikan yang perlu dititik beratkan oleh semua pihak agar keaslian persembahan gamelan ini dikekalkan dan diteruskan pada masa hadapan.

5.3 Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat dibuat oleh pengkaji menerusi keseluruhan kajian yang dibuat dari awal sehinggalah tercapainya hasil kajian ini adalah sangat membanggakan kerana pengkaji sendiri memberanikan diri untuk bertemu dengan seniwati yang cukup terkenal dalam Joget Gamelan. Itu adalah pengalaman yang tidak akan dapat dilupakan terutama semasa melihat secara terus pergerakan dan gerak tari Joget Gamelan disamping memperoleh banyak ilmu apabila mendengar beliau bercakap dan bercerita mengenai persembahan gamelan ini.

Bermula dengan bab 1, pengkaji memulakan kajian dengan mengenalpasti kajian yang ingin dibuat serta mencari objektif dan membuat beberapa persoalan berkaitan tajuk yang dikehendaki. Pengkaji telah memilih tajuk Kajian Terhadap Persembahan Muzik Gamelan dimana pengkaji tidak dapat melihat kesenian persembahan ini dengan lebih jelas sejak kali pertama mengetahui mengenai persembahan ini semasa membuat laporan bagi subjek universiti. Dalam bab ini juga, pengkaji telah menemui beberapa perkara yang berkait rapat dengan tajuk yang dipilih dan kajian ini disambung dalam bab 2.

Dalam bab 2, pengkaji akan mengumpul segala bahan yang berkait rapat dengan persembahan gamelan melalui kajian-kajian lepas dan bahan bacaan yang diperolehi. Setelah memperolehi maklumat-maklumat yang berkaitan, pengkaji mula memastikan objektif yang ingin dikaji tidak memuaskan. Dengan itu, pengkaji mula menggunakan kaedah metodologi bagi mengumpul maklumat tersebut dalam bab 3.

Dalam bab 3, pengkaji mula mengenalpasti kaedah yang ingin digunakan lalu memilih kaedah yang bersesuaian dengan kajian yang dilakukan. Menerusi

metod ini, membolehkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat tambahan serta berupaya memastikan bahawa objektif yang dibuat mendapat jawapan dan melengkapkan lagi kajian pengkaji. Pengkaji akan mengumpul dan menghuraikan maklumat tersebut didalam bab 4.

Dalam bab 4, pengkaji telah menemu bual seorang tokoh yang bergiat aktif dalam persembahan gamelan sehingga sekarang iaitu Puan Wan Salmah Binti Wan Sulaiman. Pengkaji dapat mengetahui dengan lebih jelas akan objektif dan persoalan kajian melalui kaedah temu bual ini. Selain itu, pengkaji juga menjalankan kaedah pemerhatian dengan melihat set alat muzik gamelan dimainkan dan menyaksikan salah satu tarian yang terdapat dalam Joget Gamelan. Apabila kesemua objektif dan persoalan kajian telah terjawab, pengkaji turut mendapatkan maklumat tambahan mengenai cadangan dan pendapat berkaitan dengan kesenian gamelan ini. Hasil daripada cadangan dan pendapat yang diberikan oleh tokoh tersebut, pengkaji meneruskan cadangan-cadangan bagi menjaga keaslian kesenian gamelan ini dalam bab terakhir iaitu bab 5.

Bab 5 ini merupakan bab pengakhiran pengkaji untuk membuat kajian dimana pengkaji menyertakan juga cadangan-cadangan bagi membantu menjaga dan memelihara serta mengembangkan lagi persembahan gamelan ke peringkat yang lebih tinggi seperti mana yang pernah dicapai suatu ketika dahulu. Oleh yang demikian, ianya mampu memberi kesan yang baik kepada persembahan gamelan agar dapat dikekalkan dari generasi ke generasi yang baru serta mampu mengekalkan persembahan ini dalam jangka masa yang lama.

Secara keseluruhannya, dari permulaan kajian sehinggalah pengakhiran kajian, pengkaji dapat menyempurnakan kajian di dalam Kajian Terhadap Persembahan Gamelan ini disamping dapat membantu menghasilkan buku untuk kegunaan umum. Dengan ini, pengkaji memberi peluang kepada pengkaji-pengkaji lain untuk mengkaji bahagian lain yang terdapat dalam persembahan gamelan serta menghasilkan sesuatu yang boleh memberi peningkatan terhadap kesenian persembahan gamelan ini.

RUJUKAN

BUKU

Ahmad Omar Haji Ibrahim, (2005), Joget Gamelan Terengganu & Pahang: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.

ARTIKEL

Razali Md Amin, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff dan Ab Samad Kechot (2017), Komunikasi, Instrumentasi dan Seni Persembahan Gamelan Melayu dan Jawa.

<http://journalarticle.ukm.my/11904/1/22705-65542-1-SM.pdf>

Razali Md Amin, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff dan Ab Samad Kechot (2017). Pembangunan Model Pengajaran Gamelan Melayu Peringkat Menengah Rendah di Malaysia.

<http://journalarticle.ukm.my/14986/1/25789-100774-1-PB.pdf>

Harian Metro (2019) Gamelan 208 tahun

<https://api.hmetro.com.my/utama/2019/07/478733/gamelan-208-tahun>

INTERNET

Wikipedia Bahasa Melayu, Ensiklopedia Bebas, Gamelan

<https://ms.wikipedia.org/wiki/Gamelan>

JKKN Pemetaan Budaya, Joget Gamelan Pahang

<https://pemetaanbudaya.my/culture/dis/232>

TEMU BUAL

Puan Wan Salmah Wan Sulaiman, Seniwati Joget Gamelan ditemu bual pada 23 Januari 2023 bertempat di kediamannya sendiri iaitu di Kampung Mengabang Tengah, Kuala Terengganu.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN